

Seminar Kebangsaan Reka Bentuk Dan Pembuatan Perabot – Design And Architecture (DnA) of Future Malaysian Furniture

Rabu, 13 Mac 2013 09:23



- MALAY VERSION ONLY -

TEKS UCAPAN

YB DATO' HAMZAH ZAINUDIN

TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN

SEMINAR KEBANGSAAN REKA BENTUK DAN PEMBUATAN PERABOT – DESIGN AND ARCHITECTURE (DnA) OF FUTURE MALAYSIAN FURNITURE, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM), BATU PAHAT, JOHOR.

25 FEBUARI 2013 (ISNIN)

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Prof Dato' Dr Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn

Yang Berusaha Dr Jalaluddin Harun, Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

Ketua-Ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan,

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,

Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

1.0 Alhamdulillah, setinggi puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis perasmian Seminar Kebangsaan Reka bentuk dan Pembuatan Perabot anjuran bersama MTIB dan UTHM dan di sokong bersama oleh MTC dan MFPC yang diadakan di UTHM pada hari ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) kerana telah sudi mengundang saya untuk merasmikan perasmian seminar ini.

2.0 Saya ingin mengucapkan tahniah di atas inisiatif dan usaha yang di ambil oleh MTIB dan UTHM dalam menganjurkan seminar ini yang bertepatan dengan keperluan semasa dan persekitaran perdagangan global yang semakin mencabar. Oleh itu, segala inisiatif untuk meningkatkan daya saing dan pengembangan pasaran secara berterusan industri perkayuan khususnya perabot di negara kita semamangnya amat saya alu-alukan. Usaha ini diharap akan memberi kesan kemakmuran ekonomi kepada rakyat negara kita khususnya rakyat negeri Johor. Penganjuran seminar seperti ini bukan sahaja penting dalam pembangunan industri perabot tetapi adalah tepat pada masanya memandangkan industri hiliran dan bernilai tambah telah muncul sebagai sumber pendapatan tukaran wang asing yang utama dalam sektor komoditi.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

3.0 Sektor perabot sebenarnya mempunyai prospek yang begitu cerah kerana perdagangan perabot dunia semasa dianggarkan bernilai USD107 billion. Malaysia merupakan negara ke-lapan pengeksport perabot

utama dunia, dan mengekspor RM6.2 billion perabot pada tahun lepas. Pengusaha perabot dari Negeri Johor, menyumbang hampir 50% dari nilai eksport perabot Malaysia. Berdasarkan data-data eksport ini, ianya menunjukkan industri kayu sentiasa relevan dalam membantu kemajuan Negara kita amnya dan negeri Johor khususnya.

4.0 Dalam tempoh dua dekad yang lepas, industri perabot tempatan telah diiktiraf sebagai pengeluar dan pengeksport perabot yang berkualiti dan bertaraf dunia. Walau bagaimanapun, persaingan yang semakin meningkat berikutan proses globalisasi dan liberalisasi dagangan di peringkat Asia dan antarabangsa memerlukan kita menguatkan azam dan berusaha dengan mengeluarkan produk-produk kayu atau perabot bernilai tambah yang berkualiti tinggi, serta memenuhi keperluan standard antarabangsa. Saya yakin, ini akan dapat dicapai melalui perkembangan reka bentuk yang tinggi mutunya disamping mengamalkan proses dan teknologi perkilangan yang lebih kos efisien.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

5.0 Industri perabot di Malaysia masih banyak bergantung kepada reka bentuk sedia ada di pasaran, dan juga mengikut cita rasa yang ditetapkan oleh pihak pengimport berdasarkan kaedah Pembuatan Peralatan Asal (Original Equipment Manufacturer – OEM). Keadaan yang diamalkan sejak sekian lama seterusnya menyebabkan harga belian yang rendah telah berlanjutan di mana pengilang-pengilang kos rendah dari negara-negara di benua Asia yang lain telah muncul dengan barangan yang berharga rendah serta kompetitif. Persaingan sengit di dalam sektor pengilangan yang beroperasi mengikut “OEM” mewujudkan keadaan di mana harga jualan ditetapkan oleh pembeli dari negara-negara asing. Dengan meningkatnya kos pengeluaran kebelakangan ini harga produk yang tidak berubah mengikut keperluan semasa mengakibatkan pendapatan dari industri ini masih rendah berbanding dengan kuantiti produk yang di hasilkan.

6.0 Sehubungan dengan itu sudah tiba masanya, bagi industri perabot mengamalkan dan menggunakan pendekatan “value strategy” dan beralih dari “volume strategy” melalui reka bentuk asal dan jenama sendiri. Dalam perkara ini, pengilang-pengilang tempatan perlu memberi tumpuan untuk mengeluarkan produk-produk yang mempunyai kualiti yang boleh dibanggakan, mempunyai fungsi serta reka bentuk menarik secara konsisten. Kejayaan dalam usaha memasarkan perabot di peringkat antarabangsa mensyaratkan pihak pengeksport memanfaatkan sepenuhnya kemahiran teknologi, pengurusan moden dan aspek estetik dalam reka bentuk perabot. Untuk memastikan pertumbuhan industri perabot Negara, kita perlu menawarkan reka bentuk asal dan menarik kepada pasaran antarabangsa. Keupayaan untuk mencipta reka bentuk baru adalah pra-syarat penting dalam usaha untuk maju ke arah cita-cita untuk menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi.

7.0 MTIB telah bekerjasama dengan badan-badan profesional dan persatuan perabot dalam menganjurkan pertandingan reka bentuk perabot di peringkat kebangsaan. Para jurureka telah menyerlahkan kreativiti mereka sebagai jurureka tempatan dimana secara tidak langsung mampu merapatkan lagi hubungan diantara pihak jurureka dan pengeluar. MTIB mengambil inisiatif untuk membawa pemennag peraduan reka bentuk ini mempamerkan rekaan mereka ke Itali. Pada bulan April 2013 ini seramai 6 jurureka muda yang telah di terima oleh penganjur pertandingan di Itali akan di taja oleh MTIB untuk mempamerkan rekaan perabot mereka di pameran bertaraf dunia di Milan, Itali.

8.0 Di segi perniagaan dan pemasaran perabot, matlamat utama kita ialah untuk menarik minat pembeli jangka panjang dan mengalakkan mereka membeli produk tempatan berdasarkan kualiti barangan dan “value for money”, bukannya semata-mata sebagai pembeli runcit yang menetapkan harga produk yang rendah. Walau bagaimanapun, kita harus mempelbagaikan hasil pengeluaran dari produk berharga rendah dan sederhana hingga ke produk premium yang berharga tinggi.

9.0 Satu persoalan yang penting adalah berkenaan perlindungan harta intelek. Seperti yang telah kita ketahui, isu ini merupakan satu masalah sejagat di mana tidak terdapat penyelesaian yang mudah dan jelas. Dengan adanya proses pendaftaran yang cekap, ianya akan meyakinkan pengimport untuk menempah kontrak “ODM” dengan para pengilang di Negara ini tanpa khuatir dengan keadaan berlakunya kes dimana reka bentuk mereka ditiru. Ini akan memberi peluang kepada para pengilang Malaysia memperolehi reka bentuk yang anggun serta berfungsi, hasil daripada jurureka tempatan. Di pihak jurureka juga berpeluang untuk menjual koleksi reka bentuk mereka kepada pengilang-pengilang yang berpotensi. Langkah ini dapat melahirkan jurureka

perabot yang mampu untuk menghasilkan produk bertaraf dunia dengan mewujudkan reka bentuk Malaysia yang berkualiti.

10.0 Dalam era teknologi maklumat, saya difahamkan MTIB telah membangunkan sebuah Laman Sesawang sebagai satu pendekatan perdagangan secara elektronik dan kaedah untuk memperluaskan skop pemasaran bagi mempromosikan industri perabot Malaysia serta satu portal "Malaysia Designer Database". Pihak pengusaha boleh mendapatkan khidmat jurureka Malaysia untuk merekabentuk perabot mereka dan kepada jurureka pula mereka boleh berdaftar dengan MTIB untuk di senaraikan dalam portal berkenaan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

11.0 Bagi membantu pembangunan industri kayu khususnya perabot di Malaysia, pembangunan sumber manusia terlatih adalah amat penting. Berkaitan dengan perkara ini UTHM telah mengambil daya usaha mewujudkan fakulti reka bentuk dan salah satu fokus fakulti ini adalah dalam subjek reka bentuk perabot. Usaha ini di sokong dengan penubuhan "Teaching Factory" di kampus UTHM Pagoh dimana pelajar akan di latih secara teori dan amali dalam aspek reka bentuk, pembuatan dan seterusnya aspek pemasaran. Usaha UTHM menubuhkan fakulti reka bentuk dan "Teaching Factory" di daerah Muar adalah tepat pada masanya memandangkan daerah Muar adalah nadi pengeluar perabot Malaysia.

12.0 Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini sukacita saya mengumumkan bahawa bagi menyelaraskan aktiviti pembangunan reka bentuk industri kayu di negara kita supaya ianya lebih terancang, kementerian saya melalui MTIB akan menerbitkan "National Design Roadmap: Furniture and Timber-based Products". Roadmap ini akan dilancarkan sedikit masa lagi. Ianya akan menjadi arah tuju aktiviti ke arah pengwujudan masyarakat dengan membudayakan "Design Thinking" dalam setiap aktiviti yang di jalankan. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Kebangsaan Reka bentuk Dan Pembuatan Perabot anjuran MTIB dan UTHM dengan di sokong oleh MTC dan MFPC pada hari ini.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEJABAT TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA
Putrajaya